

PM terima surat Daim

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin, sudah menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai anggota Kabinet.

Perdana Menteri ketika mengesahkan perkara itu berkata, beliau bagaimanapun belum membuat sebarang keputusan mengenainya "kerana saya belum lagi bercakap dengan (Datuk Paduka) Daim."

Katanya, beliau akan membuat keputusan sama ada menerima atau tidak perletakan jawatan Datuk Paduka Daim itu selepas "saya bercakap dengan Menteri Kewangan itu nanti."

Apabila ditanya sama ada Datuk Paduka Daim sudah menghantar surat rasmi berhubung hasrat beliau untuk meletak jawatan, sambil mengangguk Perdana Menteri berkata:

"Ada jugalah... surat peribadi dia kepada saya. Surat peribadi yang menyatakan dia mahu berhenti," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat empat jam Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat Umno, di sini semalam.

Datuk Paduka Daim yang juga Bendahari Umno tidak hadir dalam mesyuarat itu kerana masih bercuti di luar negara. Beliau dijadualkan pulang malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam surat Datuk Paduka Daim itu, beliau turut menerangkan sebab beliau mahu meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

"Dia minta saya menepati janji saya kepadanya sewaktu saya membawanya masuk Kabinet dulu, iaitu beliau (Datuk Paduka Daim) menjadi Menteri Kewangan cuma untuk menyusun semula dan memulihkan kedudukan kewangan negara.

"Ketika saya melantiknya sebagai Menteri Kewangan, kedudukan kewangan negara, seperti mana orang semua tahu, amat buruk sekali... hutang banyak. Tetapi selepas dia mengambil alih, dia dapat menyusun semula dan menjaga kewangan negara sehingga kedudukannya sekarang begitu baik sekali.

"Oleh itu, dia beritahu bahawa tugasnya sudah selesai dan dengan demikian, sepatutnya saya melepaskan dia daripada jawatan Menteri Kewangan," jelas Perdana Menteri.

Mengenai sama ada rombakan dalam Kabinet akan dilakukan berikutan perletakan jawatan Datuk Paduka Daim itu, beliau berkata, keputusan terhadap kedudukan Menteri Kewangan itu belum dibuat lagi dan dengan itu, tidak sewajarnya beliau membuat spekulasi.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat MT membincangkan soal yang dibangkitkan dalam perhimpunan agung Umno

Daim hantar surat mahu berhenti

● Dari Muka 1

dulu dan meneliti perkembangan di Kelantan, Sabah dan isu luar negara.

Beliau berkata, MT memutuskan untuk tidak campur tangan atau mengambil kesempatan daripada pergolakan di Kelantan kerana "terpulanglah kepada Kelantan untuk mentadbir negerinya sendiri dan melaksanakan sebarang undang-undang Islam, termasuk hukum Hudud."

Mengenai perlintikan seorang ketua yang akan menerajui Umno Kelantan, beliau berkata, MT belum membuat sebarang keputusan menge-

nainya, cuma memilih Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa untuk mewakili Kerajaan Pusat di negeri itu.

Perdana Menteri berkata sebuah lagi jawatankuasa kerja Umno dibentuk bagi meneliti cadangan jawatankuasa mengkaji usul Raja Berperlembagaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba.

Jawatankuasa kerja itu, katanya, dianggotai oleh beliau sendiri, Encik Ghafar, Naib Naib Presiden Umno, Setiausaha Agung dan beberapa anggota yang lain.